

16 AUG 1997

Prachuab-Dana

MENTERI LUAR THAI CADANG TUBUH DANA BERSAMA ASEAN

Oleh: Khuzaimah Idris

BANGKOK, 16 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Thai Prachuab Chaiyasarn telah mencadangkan penubuhan dana bersama negara-negara Asean untuk menangani serangan spekulatif terhadap matawang mereka.

Dana itu yang dinamakannya Asean Monetary Fund (AMF), akan membolehkan negara-negara Asean menstabilkan matawang mereka dalam "kes-kes kecemasan" seperti serangan yang berlaku kini terhadap matawang rantau ini oleh spekulator antarabangsa.

"Saya menggesa semua negara Asean memulakan sumber bagi dana itu... tidak kira apa yang anda namakannya, tetapi saya berpendapat setiap orang harus berkongsi tanggungjawab membantu satu sama lain...sekaligus membuktikan bahawa rakan-rakan kita sedia membantu jika kita dalam kesusahan," katanya kepada sekumpulan wartawan Malaysia di pejabatnya di sini semalam.

Para wartawan itu dalam lawatan sambil belajar selama sembilan hari ke Thailand anjuran kerajaan Thai.

Prachuab menyamakan serangan matawang itu, yang memberi kesan teruk terutama kepada bhat Thai, dengan virus HIV.

Tetapi katanya krisis itu juga telah mewujudkan peluang bagi negara-negara Asean untuk meningkat dan memperkukuhkan mekanisme tidak balas mereka.

Semasa ditanya sama ada cadangan AMF itu mungkin dibincangkan pada sidang kemuncak Asean di Kuala Lumpur Disember ini, Prachuab berkata: "Ia mungkin."

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam.

Prachuab berkata pernyataan Asean pada akhir sidang kemuncak itu harus mengandungi beberapa susunan kata mengenai krisis matawang berkenaan.

" Hakikatnya ialah Asean kini menjadi lebih kuat dari segi penduduk, ia mungkin dilihat sebagai ancaman dari segi ekonomi (oleh orang lain)."

"Kita menubuhkan Asean kerana Perang Dingin untuk menyatukan negara-negara yang kini membangun semakin kukuh tetapi sekarang kita menghadapi perang ekonomi," katanya.

Tetapi pada pendapatnya aspek positif krisis matawang itu ialah dalam bentuk kerjasama yang lebih erat antara negara-negara Asean yang akan membawa kepada pelaksanaan lebih cepat Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).

Prachuab berkata Thailand amat berterima kasih kepada jiran-jiran Aseannya, negara lain dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) serta Bank Dunia kerana sumbangan mereka membantu negara yang menghadapi krisis matawang.

IMF dan negara-negara Asia Pasifik telah bersetuju meminjamkan Thailand US\$16 bilion untuk menambah rizab asingnya.

Jepun dan IMF masing-masing akan menyumbang US\$4 bilion sementara Hong Kong, Malaysia, Australia dan Singapura masing-masing meminjamkan US\$1 bilion dengan Indonesia dan Korea Selatan masing-masing menambah US\$500 juta.

Bank Pembangunan Asean akan menyumbang US\$1.2 bilion dan selebihnya daripada Bank Dunia dan China.

Dalam pertemuan selama 30 minit itu, Prachuab juga menyatakan rasa kagumnya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Malaysia yang disifatkannya sebagai sebuah negara yang "amat agresif."

"Perdana Menteri anda telah berjaya menukar Malaysia daripada sebuah

negara yang berasaskan industri pertanian kepada industri canggih seperti Teknologi Maklumat dan telah menggerakkan usaha menerokai Afrika dan Amerika Latin dalam cara yang lebih agresif," katanya.

Prachuab berkata Thailand dan Malaysia telah semakin rapat terutama sejak lapan hingga sembilan bulan lepas berikutan meningkatnya kerjasama di kalangan pihak berkuasa untuk menangani masalah di sempadan bersama.

"Kami di Thailand tidak mahu menjejaskan hubungan tradisional dengan rakyat di kawasan sempadan dan pada masa yang sama kita juga tidak mahu orang luar mencampuri dan mengganggu serta mewujudkan konflik di negara kita,"katanya. -- BERNAMA

ZAI RON